# UMS-UNAN CADANG JALIN HUBUNGAN KERJASAMA LEBIH ERAT



Beberapa orang pegawai kanan daripada Universitas Andalas, Padang (UNAN) berkunjung ke SPE dalam kunjungan rasmi ke UMS selain menandatangani MOU antara kedua-dua belah pihak. Sejajar dengan kerjasama yang ditandangani antara kedua-dua belah pihak melalui MOU yang ditandatangani sebelum itu. Kedua-dua belah pihak telah mengadakan perbincangan teknikal susulan dipengerusikan oleh Pengiran Dr. Hassanal Bahar Pg. Bagul, Timbalan Dekan Akademik & HEP, Prof. Madya Dr. Noorhayati Mansur, serta bebrapa orang pegawai pengurusan tertinggi kedua-dua belah pihak.

Antara topik yang dibincangkan sepanjang pertemuan yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama mencakupi pertukaran pensyarah dan pelajar, serta potensi mengadakan kerjasama melalui penyelidikan dan pertukaran idea.